

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XXIII) 29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. PUAN HENG LEE LEE**

29. Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri atas pembangunan keusahawanan dalam negeri dari 2013 hingga terkini. Sila nyatakan projek dan kos.

**YB. DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI HUSSAIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

29. Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam pembangunan keusahawanan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2013 hingga kini adalah seperti berikut :

- (1) Menyediakan Skim-skim Pinjaman

Skim Pinjaman Harapan (SPH) Negeri Pulau Pinang yang dahulunya dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang merupakan program Kerajaan Negeri bersama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Matlamat program ini adalah untuk membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan. Melalui modal tambahan ini, peniaga-peniaga kecil dapat mengembangkan perniagaan mereka, sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup dan pendapatan isi rumah mereka. Sehingga Jun 2018, sebanyak RM14.77 juta telah diagihkan kepada 2,974 orang usahawan;

- (i) Tabung Usahawan Tani (TUT) yang merupakan program di bawah Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bersama Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC). Pelaksanaan program ini turut mendapat kerjasama Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang. Program ini diwujudkan bagi memberi dorongan kepada golongan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Sehingga Jun 2018, sebanyak RM582,000.00 telah diagihkan kepada 110 orang usahawan tani;
- (ii) Bantuan Peningkatan Ekonomi Golongan Miskin
- Program Peningkatan Ekonomi Golongan Miskin/ Pembangunan Industri Desa yang merupakan program bantuan peralatan bagi pemohon yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan untuk mengembangkan perniagaan sedia ada. Permohonan boleh dikemukakan melalui pejabat-pejabat daerah untuk perakuan di peringkat daerah. Program ini menggunakan peruntukan pembangunan sebanyak RM250,000.00 bagi tahun 2018;
- (iii) Program Latihan Keusahawanan dan Kemahiran
- (a) Beberapa siri kursus bagi meningkatkan modal insan di kalangan rakyat yang menggunakan peruntukan pembangunan di bawah program Modal Insan. Walaupun kursus-kursus tersebut tertumpu kepada penerima AES yang terdiri daripada ibu tunggal, peniaga-peniaga kecil yang berpendapatan bawah RM3,000.00, usahawan tempatan mungkin juga sebahagian daripada golongan ini. Sehingga Jun 2018, sejumlah RM95,455.00 telah diluluskan kepada pejabat - pejabat daerah untuk melaksanakan pelbagai kursus kemahiran;

(b) Program latihan keusahawanan seperti bengkel, seminar dan motivasi kepada usahawan-usahawan Pulau Pinang merupakan usaha bagi memperkasakan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kefahaman keusahawanan dalam bidang pengurusan perniagaan. Program ini bertujuan untuk menjadikan usahawan yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan. Sejak tahun 2013 hingga kini, sebanyak 77 program dan latihan keusahawanan telah diadakan dengan penyertaan seramai 2,183 orang usahawan, melibatkan kos sebanyak RM161,498.00, 190 orang pelajar melibatkan kos sebanyak RM118,698.75; dan

(iv) Insentif Keusahawanan Invest Penang

Melalui Invest Penang, beberapa program dan skim baru sedang dilancarkan. Antaranya:

- (a) Skim Insentif Penang i4.0 (Penang i4.0 Seed Fund) dengan menawarkan dana peruntukan berjumlah RM4 juta (USD 1 juta) untuk membantu para usahawan *start-up* berdasarkan teknologi (*technopreneuer*) yang berpotensi untuk mencapai pengkomersialan dengan geran minima RM50,000.00 hingga maksima RM250,000.00.
- (b) @CAT di Wisma Yap Chor Ee menawarkan ruang kerja bersama (*co-working space*) dengan kadar sewa bersubsidi, penganjuran acara tech-komuniti dan bengkel (*tech community events and workshops*), peluang perniagaan melalui program pembangunan keusahawanan (*accelerator/entrepreneurship development programme*) dan program-program lain seperti membantu IKS untuk menjalankan perniagaan e-dagang.

(c) SMART CENTRE iaitu Pusat Penasihat Pasaran, Sumber dan Latihan IKS (*SME Market Advisory, Resource & Training – SMART Centre*). Ia bertujuan memberi khidmat nasihat kepada para usahawan kecil mengenai maklumat-maklumat yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan. Contohnya permohonan lesen perniagaan, pendaftaran syarikat, insentif-insentif sedia ada dan sebagainya. Para usahawan yang ingin membangunkan perniagaan dengan pelaburan asing juga boleh menggunakan perkhidmatan penyeneraian direktori atas talian (*online directory*). Selain itu boleh menyertai bengkel pembangunan keupayaan terutamanya topik mengenai industri 4.0 (*capacity building workshop*). Juga menyertai sesi pemandangan perniagaan antara pelabur asing dan usahawan tempatan (*business matching/vendor day*) yang dianjur oleh Pusat ini.

Sejak penubuhannya dari Jun 2010, SMART Centre telah Berjaya memberi khidmat nasihat kepada 1,113 kes/syarikat daripada pelbagai sektor industri, 72 bengkel pembangunan dan seminar telah dianjur serta lebih daripada 580 pasangan syarikat berjaya dipadankan dalam pemandangan perniagaan;

(v) Program MMK

- Pada tahun ini Kerajaan Negeri merancang menganjurkan Hari Usahawan dan Koperasi. Ia bertujuan menyebarkan informasi dan makluman tentang kemudahan yang disediakan oleh agensi Kerajaan Negeri dan Pusat bagi manfaat para usahawan.

- (f) Program Tunas Niaga (PROTUNe) merupakan program yang dilaksanakan oleh PDC dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dengan matlamat untuk memupuk dan membentuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Pada tahun 2018 terdapat 38 buah sekolah menengah di negeri ini terlibat dengan PROTUNe dengan penglibatan seramai 190 orang pelajar, melibatkan kos sebanyak RM118,698.75 ; dan
- (g) Selaras dengan pembentukan kerajaan baharu dan selaku Penggerusi MMK berkenaan, beberapa program dan skim baru sedang dirancang, Antaranya Skim Insentif Penang i4.0 (*Penang i4.0 Seed Fund*) dengan menawarkan dana peruntukan berjumlah RM4 juta (USD 1 juta) untuk membantu usahawan-usahawan start-up berasaskan teknologi (*technopreneur*) yang berpotensi untuk

mencapai pengkomersialan dengan pembiayaan minimum RM50,000.00 hingga maksimum RM250,000.00.